

Media Title : Kosmo  
Headline : Pesara rugi lebih RM180,000 ditipu 'pegawai polis' berpangkat Datuk  
Date : 28 August 2023  
Section : Negara!  
Page : 8



## Pesara rugi lebih RM180,000 ditipu 'pegawai polis' berpangkat Datuk

**TAIPING** – Gara-gara takut didakwa terlibat dalam pengubahan wang haram, seorang pesara kerajaan kerugian RM186,350 akibat ditipu sindiket penghantaran barang, Khamis lalu.

Ketua Polis Daerah Taiping, Asisten Komisioner Razlam Ab. Hamid berkata, mangsa berumur 42 tahun telah menerima panggilan daripada suspek lelaki mengakui dirinya sebagai Pegawai Pejabat Pos Kuala Lumpur.

"Lelaki itu memberitahu terdapat satu bungkusan mengandungi MyKad milik mangsa serta beberapa kad kredit yang dihan-

tar ke Sarawak.

"Mangsa kemudian disambungkan ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Melaka dan menafikan mengenai bungkusan itu sebelum dihubungkan kepada pegawai polis berpangkat Datuk," katanya semalam.

Razlam memberitahu, pegawai berkenaan kemudian mengarahkan mangsa memindahkan wang sebanyak RM146,450 ke akaun yang diberikan kononnya bagi tujuan siasatan pegawai aktiviti haram (AMLA).

"Dalam keadaan cemas dan ketakutan, mangsa membuat

transaksi deposit tunai dan pinahan wang berjumlah keseluruhan RM186,450 ke enam akaun melibatkan 38 kali transaksi.

"Mangsa telah diberitahu, proses siasatan itu mengambil masa setengah jam dan akan menghubunginya semula setelah selesai," katanya.

Namun, kata Razlam, mangsa telah menghubungi nombor dan tidak mendapat sebarang maklum balas, namun sebelum membuat laporan polis.

Siasatan dijalankan dan kes disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan.